

HEFA 2013

Edisi Khas Sempena Majlis Konvokesyen Ke-11



'Best Invention Award of The Year' & 'British Invention of The Year'



sekian.
Retweeted by [hotfm976](#) 1h ago

NajibRazak Syabas Universiti Sains Islam Malaysia kerana memenangi 2 pingat emas dlm penyertaan sulung di British Invention Show <http://bit.ly/16ivzZT> 31m ago

Oprah_World Sometimes you gotta create what you want to be part of. -Geri Walters

Menarik di dalam...

- 3 Jejak Alumni
- 6 Profil Graduan Terbilang
- 8 Kecemerlangan Mahasiswa
- 12 Global Islamic Students Outreach (GISO)
- 15 Libatsama Masyarakat
- 18 Inovasi



YAB. DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD HAJI HASAN DAN USIM



“Telah menjadi hasrat YAB. Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak supaya setiap IPTA menubuhkan 1Malaysia 4Youth Outreach Centre (1M4U). Ini bertujuan untuk memberi dorongan dan memupuk budaya kesukarelawanan di dalam diri setiap pelajar agar mereka prihatin dan mengambil berat dengan persekitaran. Pelajar juga digesa menyumbang khidmat dan bakti kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan sokongan tanpa mengira peringkat umur dan bangsa, sama ada di dalam atau di luar negara.”

YAB. DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD HAJI HASAN,
Majlis Pelancaran 1M4U Outreach Centre dan
University Community Transformation Centre (UCTC)
pada 12 Mac 2013, Nilai Negeri Sembilan.

Sidang Redaksi

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Asma Ismail
Naib Canselor

PENASIHAT

Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni)

KETUA EDITOR

Nasrul Hakim Ahmad
Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar

EDITOR/WARTAWAN

Muhammad Rahmat Abdullah
Noor Syahieda Husra Hussin

PENERBIT

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Nilai, Negeri Sembilan
Tel : 06-798 6157
Faks : 06-798 6155

Alumni Antarabangsa Harumkan Nama USIM

Rushdy Thaokloy yang dilahirkan di Wilayah Krabi, Thailand pada 10 Mac 1989 adalah anak pertama daripada lima beradik. Berbekalkan pendidikan awal di Sekolah Rendah Bandar Krabi dan Madrasah Muslim Wangthong Vittaya, Wilayah Krabi, beliau telah diterima untuk meneruskan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian pada tahun 2009.

Sepanjang pengajian di USIM, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum. Kepetahannya berbicara dalam bahasa Arab melayakkan pasukan debat yang diwakilinya dinobatkan sebagai Naib Juara Kejohanan Debat Piala Naib Canselor kategori Bahasa Arab pada tahun 2011. Dalam masa yang sama, kecintaannya kepada seni telah mendorong beliau melibatkan diri dalam pelbagai acara kesenian termasuklah Pertandingan Puisi Bahasa Melayu Antarabangsa USIM sehingga merangkul Anugerah Persembahan Terbaik



dan juga USIM International Cultural Week Performance 2011 menerusi persembahan seni mempertahankan diri "Muay Thai".

Sepanjang empat tahun di bumi USIM, pelbagai pengalaman indah telah beliau lalui. Sistem pengajian USIM yang unik telah membolehkan beliau menguasai bahasa Arab dan Inggeris dengan baik manakala pergaulan bersama pelajar tempatan dalam pelbagai aktiviti kokurikulum membolehkannya fasih berbahasa Melayu berbanding waktu sebelum beliau melanjutkan pengajian di USIM yang mana beliau hanya menguasai bahasa Thai sahaja.

Berbekalkan kemahiran berbahasa Arab, Inggeris dan Melayu, beliau berusaha untuk menyambung warisan ayahnya Haji Mukhtar Thaokloy yang juga merupakan pengasas Madrasah Muslim Wangthong Vittaya dengan menyumbangkan khidmat bakti mengajar mata pelajaran bahasa Arab dan Inggeris di sekolah tersebut.

Beliau juga sering dijemput untuk menyampaikan khutbah dalam empat bahasa di Masjid Wilayah Krabi selain menyumbangkan khidmat bakti mendidik masyarakat setempat melalui tugas selaku Juruhebah Radio Majlis Agama Islam Wilayah Krabi dalam slot "Mari Belajar Bahasa Asing".

Beliau menyeru siswa siswi USIM menggunakan peluang yang amat berharga sepanjang berada di USIM dengan mengisi masa melakukan perkara yang berfaedah dan bermanfaat kepada diri, keluarga, bangsa dan agama.

"Gunakanlah medan di USIM sepenuhnya untuk memperolehi ilmu pengetahuan kerana ramai lagi di luar sana yang ingin memasuki USIM tetapi mereka tiada peluang sebagaimana yang kita ada sekarang", ujarnya mengakhiri perbualan.



SEPINTAS RUSHDY, ALUMNI USIM 2013

Nama : **Rushdy Thaokloy**
Asal : Wilayah Krabi, Thailand
Tarikh Lahir : 10 Mac 1989
Kerjaya : Guru Bahasa
Pendidikan :

- Sekolah Rendah Bandar Krabi
- Madrasah Muslim Wangthong Vittaya, Wilayah Krabi, Thailand
- Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian, USIM (2013)





Pasangan Alumni USIM Menabur Bakti



“Bagai sirih pulang ke gagang” begitulah peribahasa Melayu yang dapat menggambarkan kehidupan Alumni USIM kelahiran Chenderong Balai, Teluk Intan, Perak ini. Pernah membesar di Asrama Yayasan Anak Yatim Darussakinah setelah kematian ayahanda tercinta seawal usia 7 tahun, Muhamad Safuan Rahmad kembali menabur bakti sebagai Pengurus Asrama yayasannya tersebut setelah menamatkan pengajian di USIM. Lebih menggembirakan lagi, isteri tercinta, Syarifah Nur Aiman Amirah Sayed Sahabudin yang juga Alumni USIM turut sama berganding bahu menguruskan badan kebajikan tersebut sebagai tenaga pendidik.

Penglibatan aktif pasangan suami isteri ini dalam pelbagai aktiviti kokurikulum ketika menuntut di USIM telah membolehkan mereka memberi impak dalam karier yang mereka ceburi kini. Safuan sendiri pernah menduduki kerusi Exco Keusahawanan dan Kerjaya, Majlis Perwakilan Pelajar 2008/2009 selain bertindak selaku Ketua Biro Latihan dan Pembangunan, Pembimbing Rakan Universiti 2007 hingga 2011 dan ditauliahkan pula sebagai Inspektor dalam Pasukan Kor Sukarelawan Polis Siswa pada 2009.





SEPINTAS SAFUAN, ALUMNI USIM

Nama : **Muhamad Safuan Rahmad**
 Asal : Chenderong Balai, Teluk Intan, Perak
 Tarikh Lahir : 13 Oktober 1987
 Kerjaya : Pengurus Asrama Yayasan Anak Yatim Darussakinah
 Pendidikan :

- Sekolah Rendah Kebangsaan Pekan Rabu, Chenderong Balai, Perak (1994-1999)
- Sekolah Menengah Agama Maahad Tarbiah Darul Quran, Chenderong Balai, Perak (2000-2003)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdullah, Chenderong Balai, Perak (2004-2005)
- Kolej Matrikulasi Perlis (2006-2007)
- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian USIM (2007-2011)

SEPINTAS AIMAN AMIRAH, ALUMNI USIM

Nama : **Syarifah Nur Aiman Amirah Sayed Sahabudin**
 Asal : Chendering, Kuala Terengganu
 Tarikh Lahir : 17 Mei 1988
 Kerjaya : Pengajar Asrama Yayasan Anak Yatim Darussakinah
 Pendidikan :

- Sekolah Rendah Kebangsaan Tengku Ampuan Mariam, Kuala Terengganu (1995-1997)
- Sekolah Rendah Kebangsaan Kubang Ikan, Chendering, Kuala Terengganu (1998-2000)
- Sekolah Menengah Agama Marang, Terengganu (2001-2003)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu (2004-2005)
- Kolej Matrikulasi Perlis (2006-2007)
- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian USIM (2007-2011)



Manakala Aiman Amirah pula pernah menyandang Exco Sukan dan Kebudayaan, Majlis Perwakilan Pelajar 2008/2009, terpilih mewakili USIM dalam *SME-University Internship Programme* pada 2010 selain turut ditauliahkan sebagai Inspektor dalam Pasukan Kor Sukarelawan Polis Siswa pada 2009.

Keikhlasan dan kesungguhan pasangan ini menyantuni anak-anak yatim Darussakinah sungguh menyentuh hati. Nyata jiwa mereka penuh dengan kasih sayang dan kecintaan terhadap anak-anak tersebut. "Jiwa saya dekat dengan mereka, saya faham perasaan mereka kerana saya pernah menghuni Darussakinah ini", kata Safuan.

Sehingga kini seramai 23 anak-anak yatim yang berumur di antara 9 hingga 17

tahun menghuni Darussakinah. Selain itu, enam penghuni Darussakinah sebelum ini juga telah berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi dalam pelbagai jurusan termasuk perubatan.

Menceritakan kembali kehidupan bergelar siswa, pasangan alumni ini amat bersyukur kerana ilmu yang diperolehi melalui sesi pengajaran dan pembelajaran dan penglibatan dalam pelbagai kegiatan kokurikulum telah meluaskan pengalaman dan memantapkan keyakinan diri dalam menguruskan Darussakinah.

Berpegang kepada prinsip "Ilmu bukan untuk duit semata-mata, tetapi manfaat sebanyak mungkin yang boleh diberi kepada orang lain" pasangan alumni ini akan terus menguruskan Darussakinah sebagai salah usaha membantu anak-anak yatim untuk membina kehidupan.

Di akhir bicara, pasangan ini menyeru siswa siswi USIM agar mengumpul sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman di USIM dan berusaha memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya dalam aktiviti kebajikan sosial apabila menamatkan pengajian kelak.

* Bantuan kepada Asrama Yayasan Anak Yatim Darussakinah boleh disalurkan ke akaun **Bank Islam 08031020018054** atau **Ambank 0332022001939**

MUHAMMAD ZAIM RAZAK



Muhammad Zaim Razak, anak kepada pasangan Razak Mohd dan Rodziah Bakar ini dilahirkan di Hospital Besar Melaka pada 13 Oktober 1990. Anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini membesar di Johor Bahru, Johor dan menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Taman Rinting, Masai, Johor.

Berbekalkan keputusan cemerlang 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah, beliau meneruskan pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru, Johor. Pencapaian cemerlang di sekolah rendah diteruskan pula di sekolah menengah apabila beliau memperolehi 9A dalam Penilaian Menengah Rendah dan 8A 4B dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

Beliau kemudiannya telah ditawarkan peluang untuk melanjutkan pengajian tingginya dalam program Tamhidi Sains dan Teknologi di Pusat Tamhidi USIM. Keputusannya untuk menerima tawaran tersebut telah membuka lembaran baru dalam siri kejayaan akademik beliau. Berbekalkan ketekunan dan disiplin yang tinggi, beliau telah berjaya menempatkan diri dalam program Sarjana Muda Matematik Kewangan dengan Kepujian di Fakulti Sains dan Teknologi mulai 2009.

Ibarat benih yang baik, dicampak ke laut menjadi pulau, dicampak ke darat menjadi gunung, begitulah cocoknya perumpamaan ini kepada beliau. Mulai semester pertama sehingga semester akhir pengajiannya, nama Muhammad Zaim sentiasa tersenarai sebagai penerima Anugerah Dekan sehingga beliau terpilih menerima Anugerah Kecemerlangan Fakulti Sains dan Teknologi pada tahun 2013.

Kecemerlangan akademik beliau bukan sekadar terserlah di USIM tetapi turut dikongsi di pentas antarabangsa apabila



terpilih menganggotai Delegasi Malaysia dan Negara Asia Tenggara ke *5th Science Conclave, Indian Institute of Information Technology, Allahabad, India* pada 8 hingga 14 Disember 2012.

Beliau turut terlibat dalam pembentangan kertas kerja hasil penyelidikan bersama-sama tenaga pengajar Fakulti Sains dan Teknologi yang bertajuk *Optimal Portfolio Selection of Shariah-Compliant Equities with Transaction Cost* dan telah diterbitkan dalam *Proceedings of 5th Islamic Banking, Accounting and Finance Conference 2012 (iBAF '12)*.



Kerana minat yang begitu mendalam dalam inovasi serta dorongan dan tunjuk ajar tenaga pengajar Fakulti Sains dan Teknologi sendiri, beliau telah menyertai *Student Innovation Competition 2012 (SIC' 12)* dengan mempertaruhkan projek inovasi *Self Monitoring Financial Management* bersama tiga rakannya yang lain dan telah memperolehi tempat ketiga kategori Teknologi, Sains dan Kesihatan dalam pertandingan tersebut. Projek inovasi ini turut dipertandingkan di Ekspo Inovasi Islam 2012 (i-Inova '12) dan berjaya memenangi pingat gangsa kategori Sains Sosial.

Kecemerlangan dalam akademik tidak pernah membataskan penglibatan aktif beliau dalam kegiatan kokurikulum. Potensi kepimpinan beliau terserlah apabila diberi kepercayaan untuk menerajui Jawatankuasa Penganjur (Peringkat Pelajar) *Financial Mathematics Seminar 2012 (FIMACS '12)*, Jawatankuasa Penganjur (Peringkat Pelajar) Malam Anugerah Fakulti Sains dan Teknologi (MAFAST '12), dan Seminar Sains Matematik Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Sembilan. Beliau turut aktif bersama-sama Sekretariat Pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (SekreFAST) 2010/2011 dan menerajui penganjuran pelbagai program pelajar yang mengurus setiakian badan pelajar ini.

Personalitinya yang menarik telah turut menonjolkan bakat Muhammad Zaim dalam pengacaraan majlis. Antara acara besar USIM yang menyerlahkan bakat beliau termasuklah Teater Muzikal Mencari Nur Muhammad 2011, Majlis Penutupan dan Pertandingan Akhir Debat Piala Naib Canselor 2009 dan Majlis Malam Aspirasi Seni Pelajar Tamhidi 2009.

Beliau kini sedang mengikuti pengajian Sarjana Sains (Kewangan) melalui Skim Felo Siswazah USIM di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Mohd Nizwan Musling dilahirkan di Kg. Parit Lapis Sempadan, Batu Pahat, Johor pada tanggal 3 Ogos 1988. Anak kedua daripada lima beradik ini telah mengikuti pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seri Puleh, Batu Pahat sebelum meneruskan pendidikannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kolam Air, Batu Pahat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor dalam aliran Sains Agama.

Oleh kerana kecintaan yang mendalam terhadap Bahasa Arab, beliau telah membulatkan tekad meneruskan pengajian di peringkat Diploma dalam program Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu dari tahun 2005 hingga 2009. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di USIM dalam program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian mulai tahun 2009. Kecintaan terhadap Bahasa Arab berputik daripada pemerhatian awal beliau terhadap keindahan bahasa al-Quran itu yang mempersonakan dalam pelbagai aspek yang tidak ada pada bahasa-bahasa lain.

Berkat doa yang berterusan dan semangat yang dititipkan oleh kedua ibu bapanya iaitu Musling Kasiran dan Punyam Sarmon, beliau telah mempamerkan kecemerlangan sepanjang tempoh pengajiannya di USIM apabila berjaya meraih Anugerah Dekan pada setiap semester tanpa gagal.

Penguasaan Bahasa Arab yang cemerlang telah membuka peluang kepada beliau untuk mengikuti kursus intensif Bahasa Arab di Pusat Bahasa, Universiti Yarmouk, Jordan selama sebulan mulai November hingga Disember 2009. USIM berbesar hati menaja kursus beliau sepenuhnya walaupun pada ketika itu beliau baru sahaja menamatkan semester pertama pengajian sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan beliau kerana berjaya mengharungi

MOHD NIZWAN MUSLING

sesi temuduga pemilihan kursus tersebut yang begitu ketat dan mencabar.

Beliau bukan sahaja menunjukkan kecemerlangan akademik, malah turut aktif dalam kokurikulum. Antara pencapaian hebat beliau adalah apabila terpilih mewakili USIM dalam Kejohanan Debat Bahasa Arab Institusi Pengajian Tinggi Asean 2010, Pertandingan Debat Bahasa Arab sempena IHTIFAL Institusi Pengajian Tinggi Asean 2011 dan Pertandingan Debat Bahasa Arab sempena Pesta Intelek dan Hujah 2010 yang telah mencatatkan Rekod Malaysia sebagai Debat Pelbagai Bahasa Terpanjang Tanpa Henti Selama 111 Jam.

Beliau juga telah dilantik sebagai Presiden Kelab Nadi Thaqafah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama 2011/2012 di samping berperanan sebagai penggerak utama acara fakultinya dan USIM seperti Ketua Modul Era-Explorace Bahasa Arab sempena Karnival Siswa 2011, Pembantu Fasilitator Bahasa Arab Kem Permata Insan 2011, Fasilitator Minggu Pembudayaan Bahasa Arab Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu 2010, Ketua Fasilitator Kem Bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi 2010, Hakim Debat Bahasa Arab sempena Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM 2012 dan Fasilitator Program Pengukuhan Bahasa Arab USIM 2013.

Kecemerlangan akademik dan kokurikulum beliau diiktiraf apabila terpilih menerima pelbagai anugerah termasuklah Anugerah Perdana Emas sempena Hari Anugerah Kecemerlangan Fakulti Pengajian Bahasa Utama 2013, Anugerah Perdana Siswa sempena Hari Kualiti Fakulti Pengajian Bahasa Utama 2012 dan Anugerah Idea Perniagaan Terbaik sempena Hari Keusahawanan USIM 2012 dengan tajuk *Arabic Thesis Proofreading*.

Penguasaan Bahasa Arab yang cemerlang serta ilmu kewartawanan yang didalami melalui program pengajiannya telah beliau sulamkan untuk menyumbang buah fikiran dan idea kepada masyarakat dan negara melalui sejumlah hasil penulisan di media cetak tempatan mahupun antarabangsa. Penulisannya pernah diterbitkan di akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia, Sinar Harian dan majalah antarabangsa berbahasa Arab iaitu ASWAQ yang berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu.

Hasil daripada bimbingan yang berterusan, didikan dan tunjuk ajar para guru sepanjang pengajian, beliau berazam untuk muncul sebagai seorang pakar Bahasa Arab dan akan berkhidmat dengan penuh dedikasi kepada masyarakat selaras dengan prinsip Islam.

Beliau berhasrat mengkhusus dalam Bahasa Arab untuk keperluan khas pelancongan dan memberi khidmat kepada institusi mahupun agensi yang terlibat dalam industri pelancongan negara. Beliau melihat kebanjiran pelancong dari Negara Timur Tengah ke Malaysia sebagai satu rahmat kepada pembangunan ekonomi negara dan berpotensi untuk berkembang.

Sesungguhnya USIM merasa bangga dan bersyukur dengan pencapaian beliau sehingga hari ini. Beliau kini sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Bahasa Arab Komunikasi di USIM.





▲ Johan Nasyid Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN (Kumpulan Nasyid Intracksee), 31 Januari hingga 04 Februari 2013



▲ Johan (Kategori Lelaki) Tilawah Al-Quran Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN, 31 Januari hingga 04 Februari 2013



▲ Naib Johan Debat Bahasa Arab Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN, 31 Januari hingga 04 Februari 2013



▲ Anugerah Gambang Mustika di Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), 30 Mac 2013



▲ Johan Pertandingan Dikir Barat Karnival Semarak Syariah 2013 (Kumpulan Tabuh Pendeta), 28 April 2013



▲ Johan (Kategori Hafazan), 2nd ASEAN Postgraduate Al-Quran Competition 2013, 27 Julai 2013 .
 Naib Johan (Kategori Hafazan), 2nd ASEAN Postgraduate Al-Quran Competition 2013, 27 Julai 2013



▲ Naib Johan Pertandingan Debat Alam Sekitar 2013, 23 hingga 27 Oktober 2013
 Pendebat Terbaik: Saudara Mohd Ikhwan Mohd Rosseli



▲ Johan Pertandingan Pidato Pelajar Antarabangsa Sempena Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Belia dan Sukan, 14 November 2013



Juara (Kategori Nusantara) Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri, 18 hingga 22 Februari 2013



Tempat Ketiga Tilawah (Qari), Majlis Perujian Tilawah Al-Quran, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), 08 hingga 10 Mac 2013



Johan (Kategori Lelaki) Majlis Tilawah Al-Quran Institusi Pengajian Tinggi Awam Kali Ke-4, 18 Mei 2013



Naib Johan Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2013, 14 hingga 16 Jun 2013



Festival Film dan Video Pelajar Malaysia Ke 10 (FFVPM10), 16 November 2013

- Anugerah Filem/Video Paling Popular - "Dompet"
- Tempat Ketiga Kategori Filem/Video Terbaik - "Dompet"
- Tempat Kedua Kategori Iklan Terbaik - "Tumpang Raya"
- Tempat Kedua Kategori Pesanan Khidmat Awam (PSA) Terbaik - "Anugerah Kehidupan"



Naib Johan Pertandingan Dikir Barat Terbuka UPM 2013 (Kumpulan Tabuh Pendeta), 17 November 2013



GiSO

Global Islamic Students Outreach


PENGEMBARAAN USIM



MALDIVES
Male



THAILAND
Krabi Panga



INDONESIA
Banda Aceh
Surabaya, Jakarta
Bandung, Batam
Yogyakarta



SRI LANKA
Colombo



**EMIRIAH ARAB
BERSATU**
Dubai



FILIPINA
Makati
Marikina
Cavite



INDIA
Aligarh
New Delhi




AKTIVITI TUJAHAN GI

- ✈️ Penyediaan kemudahan sanitasi (gali perigi, baik pulih tandas dan tempat wudhu')
- ✈️ Pembelajaran membaca, menulis dan mengira (3M)
- ✈️ Pengajaran asas fardhu ain dan bacaan al-Quran
- ✈️ Ziarah santun ber...
- ✈️ Pengajaran Baha...
- ✈️ Pelaksanaan kort...
- ✈️ Pengajaran seni k...



JEPUN
Osaka



CHINA
Beijing, Chengdu
Tianjin, Kunming
Shanghai



VIETNAM
Ho Chin Min
Hanoi



KOREA
Seoul




AUSTRALIA
Sydney, Perth
Adelaide




SINGAPURA






KEMBOJA
Tonle Sap
Phnom Penh



BRUNEI
Bandar Seri
Begawan



O
ama anak yatim
a Arab dan Inggeris
n dan aqiqah
at

-  Pembinaan perpustakaan mini
-  Agihan pelbagai sumbangan
-  Khidmat seni budaya



PENGEMBARAAN USIM GLOBAL ISLAMIC STUDENTS OUTREACH (GISO) 2013 TERUS DIPERKASAKAN

Memfokuskan elemen libatsama masyarakat sebagai pengisian utama, Pengembaraan USIM GISO membuka peluang kepada mahasiswa melaksanakan tugas sebagai pendakwah kepada masyarakat Islam seluruh dunia.


Kelompok sasaran pengembaraan ini adalah kalangan masyarakat di negara minoriti Islam dan wilayah tertentu di Negara-Negara Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) yang masih menjalani kehidupan dalam serba kekurangan serta kurang akses pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Pada tahun 2011 sahaja sejumlah sembilan (9) pengembaraan di lapan (8) buah negara telah berjaya dilaksanakan. Bilangan pengembaraan semakin meningkat pada tahun 2012, apabila sejumlah 12 pengembaraan meliputi

di lapan (8) buah negara berjaya disempurnakan. Manakala tahun 2013 telah menyaksikan sejumlah 20 pengembaraan meliputi tujuh (7) buah negara telah berjaya digerakkan.

Aktiviti tujuhan GISO sepanjang tahun 2013 meliputi ziarah santun bersama anak yatim, pengajaran asas fardhu ain dan bacaan al-Quran, pengajaran bahasa Arab dan Ingeris, pembelajaran membaca, menulis dan mengira (3M), pengajaran seni khat, pelaksanaan korban dan aqiqah, pembinaan perpustakaan mini, penyediaan kemudahan sanitasi (gali perigi, baik pulih tandas dan tempat wudhu'), khidmat seni budaya selain agihan pelbagai sumbangan termasuklah komputer riba, bahan bacaan, wang tunai dan keperluan solat.





Pengembara



MUHAMAD SA'DAN ABDUL AZIZ

Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian,
Fakulti Syariah dan Undang-undang

Pengembaraan :

1. Pengembaraan Misi Kemanusiaan di Kemboja dan Vietnam (9 - 16 Julai 2011)
2. Pengembaraan USIM GISO 2012 :
Kembara Insani di Indonesia (23 - 28 Oktober 2012)
3. Pengembaraan USIM GISO 2013 :
Kembara Kehidupan di Bumi Aussie Sydney,
Australia (20 - 27 Ogos 2013)
4. Pengembaraan USIM GISO 2013 :
Kembara Ilmu dan Kemasyarakatan ke Beijing,
China (27 Oktober - 2 November 2013)

"Mobilizing Community Networking For Ummah"

MUTIA NURULHUSNA HUSSAIN

Sarjana Muda Fizik Gunaan dengan Kepujian,
Fakulti Sains dan Teknologi

Pengembaraan :

1. Pengembaraan Misi Kemanusiaan di Kemboja dan Vietnam (9 - 16 Julai 2011)
2. Pengembaraan USIM GISO 2012 :
Kembara Insani di Indonesia (23 - 28 Oktober 2012)
3. Pengembaraan USIM GISO 2013 :
Kembara Kehidupan di Bumi Aussie Sydney,
Australia (20 - 27 Ogos 2013)
4. Pengembaraan USIM GISO 2013 :
Kembara Iqra' ke Sri Lanka (15 - 20 Februari 2013)

"Empowering Ummah Towards Globalization"



ONE DAY COMMUNITY CARE Sinari Penghuni Rumah Kanak-Kanak Rembau

One Day Community Care (ODCC) telah berlangsung pada 19 Oktober 2013 bertempat di Rumah Kanak-Kanak Rembau Negeri Sembilan dan dianjurkan oleh Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Seramai 60 orang Urus Setia Kesenian Pelajar terlibat secara langsung sepanjang program ini bersama-sama 89 orang penghuni yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

ODCC bermatlamat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pelajar USIM dan masyarakat setempat. Pengisian slot utama ODCC iaitu *One Art Therapy* menekankan kepada khidmat motivasi seni, kepimpinan dan terapi seni melalui persembahan seni budaya 1Malaysia.


Para peserta telah dibahagikan kepada sembilan kumpulan



persembahan dan antara persembahan yang diketengahkan adalah nasyid, muzik akustik, dikir barat, teater, koir, puisi, nanyian solo, seni khat dan tarian tradisi. Setiap persembahan yang dipersembahkan oleh para peserta diketuai oleh seorang ahli dari kalangan Urus Setia Kesenian Pelajar yang berpengalaman serta mahir dalam setiap kategori persembahan.

Kehadiran artis jemputan yang sinonim dengan lagu patriotik Roy turut menambahkan lagi kemeriahan.

ODCC benar-benar menampilkan keprihatinan dan kasih sayang masyarakat pelajar USIM terhadap kanak-kanak kurang bernasib baik tanpa mengira kaum dan pegangan agama.



USIM Wujudkan *University Community Transformation Centre (UCTC)*

USIM telah melancarkan penubuhan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau University Community Transformation Centre (UCTC) pada 12 Mac 2013 yang lalu. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri Sembilan serta Pelancaran 1M4U Outreach Centre dan University Community Transformation Centre (UCTC) yang berlangsung di Galeri Hal Ehwal Pelajar, USIM.

Dalam majlis tersebut, beliau telah menyerahkan cek bernilai RM500,000 kepada USIM dalam usaha membantu meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kemahasiswaan, sukarelawan dan pengantarabangsaan. Sumbangan yang diberikan ini adalah kesinambungan daripada akujanji YAB. Menteri Besar

prihatin dan mengambil berat dengan persekitaran. Pelajar juga digesa menyumbang khidmat dan bakti kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan sokongan tanpa mengira peringkat umur dan bangsa, sama ada di dalam atau di luar negara”.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukur Haji Husin, wakil agensi-agensi kerajaan dan pemimpin komuniti setempat. Pelbagai aktiviti yang diselenggarakan melalui IM4U Outreach Centre dan UCTC diadakan di sekitar Galeri Hal Ehwal Pelajar dan disertai oleh para pelajar serta komuniti setempat. YAB. Menteri Besar turut dibawa melawat simulasi debat oleh Kelab Debat USIM bersama Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan,



demonstrasi latihan futsal murid sekolah rendah, persembahan kesenian kumpang, selawat dan demonstrasi khat bersama murid pra sekolah serta demonstrasi pengajaran al-Quran menggunakan tulisan Braille bersama orang kelainan upaya yang kesemuanya merupakan antara aktiviti sukarelawan dan libat sama masyarakat pelajar USIM.



untuk membantu USIM semasa menyampaikan amanat beliau ketika Minggu Ta'aruf Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2012/2013 pada 5 September 2012. Sementara itu, Naib Canselor USIM, YBhg. Profesor Dato' Dr. Asma Ismail dalam ucapannya berkata semangat sukarelawan perlu diteruskan oleh setiap mahasiswa USIM walaupun telah memasuki alam pekerjaan.

YAB Menteri Besar pula berkata “Telah menjadi hasrat YAB. Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak supaya setiap IPTA menubuhkan 1Malaysia4Youth Outreach Centre (1M4U). Ini bertujuan untuk memberi dorongan dan memupuk budaya sukarelawan di dalam diri setiap pelajar agar mereka



Belia Islam Selamat dan Sejahtera (BLISS)

BLISS eratkan hubungan penduduk, USIM



SEMBAHAN 9 April - Universiti Sains Malaysia (USIM) memperkasakan aktiviti kemasyarakatan yang memfokuskan program Belia Islam Selamat dan Sejahtera (BLISS) di Taman Nilai Perdana, Nilai, dekat sini baru ini.

Program anjuran penuntut yang anggotanya Pembimbing Rakan Urusan (PRU) USIM itu merupakan kerjasama antara Kawasan Rukun Tetangga (KRT) penduduk taman berkenaan.

Pengarah program, Syazwani Sali berkata, objektif pelaksanaan program tersebut bertujuan untuk rongsang ilmu, selain mengeratkan hubungan antara penduduk dengan penduduk sekitar.

"Pelbagai program telah diatur bersama penduduk kawasan berkenaan seperti bengkel membuat kek, jahitan anak, cakiempong dan caluk solat.

"Kami amat berbesar hati menerima sambutan serta penyertaan daripada penduduk setempat yang memenuhi pelbagai peringkat umur," ka-

tanya di sini baru-baru ini.

Syazwani berkata, pihaknya berharap untuk meneruskan program tersebut pada masa akan datang berikutan respons penduduk yang amat mengagumkan.

Sementara itu, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, Mustafa Salim memberitahu, usaha pihak USIM untuk mendekati masyarakat melalui program komuniti sedemikian amat dibagai dan dialu-alukan.

"BLISS menjadi salah satu platform bagi warga universiti untuk berkongsi kemahiran dan ilmu bersama penduduk setempat yang pastinya memberikan manfaat bersama," ujarnya.

Dalam pada itu, sebanyak 10 peserta berusia sembilan hingga 17 tahun terpilih untuk mengikuti bengkel kesesuaian alat muzik Negeri Sembilan iaitu permainan calukempong.

Bengkel berkenaan akan diadakan berasingan bertempat di kampus universiti itu yang dikendalikan oleh Urus Setia Kebudayaan Pelajar USIM.



SEBAGIAN kanak-kanak dari Taman Nilai Perdana yang menyertai bengkel caluk solat menerusi program Belia Islam Selamat dan Sejahtera anjuran USIM di Taman Nilai Perdana, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



APA KATA MEREKA?



Dato' Sri Zukri Samat
Pengarah Urusan
Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

"...kelulusan akademik yang cemerlang semata-mata sahaja tidak cukup. Persaingan untuk mendapatkan pekerjaan pada masa sekarang amat sengit. Sehubungan dengan itu, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran insaniah sebagai nilai tambah dalam menempuh alam pekerjaan."

"Potensi pelajar USIM amat cerah untuk menjawat pelbagai jawatan di BIMB kerana sistem pengajian di USIM yang unik mengintegrasikan pengajian perbankan konvensional dengan sistem muamalat Islam. Graduan yang lengkap dengan ilmu duniawi dan ukhrawi ini mampu untuk melahirkan ahli perbankan yang unggul."

- Majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa (AKSIS) 2011, Nilai, Negeri Sembilan Pada 16 Mei 2012



Saiful Bahrin Abu
Pengetua Sekolah Menengah
Kebangsaan Agama Pedas,
Negeri Sembilan

"Saya memilih USIM sebagai pusat pengajian anak-anak saya kerana USIM mempunyai ciri unik iaitu kesepaduan dan integrasi di antara ilmu islami dan profesional serta penekanan kepada penguasaan bahasa Arab dan Inggeris."

".....apa yang dilihat, anak-anak saya mempunyai penghayatan Islam yang mendalam walaupun mengambil jurusan sains."

"Hasrat saya agar USIM dapat melahirkan teknokrat mutadayyin yang mampu membangunkan agama, bangsa dan negara."

- Bapa kepada 4 orang pelajar USIM

USIM Menang Dua Pingat Emas di British Invention Show



USIM mencipta sejarah tersendiri apabila memenangi dua (2) pingat emas dalam penyertaan sulung di *British Invention Show* (BIS) 2013 di Kota London baru-baru ini. Anugerah yang dimenangi adalah 'Best Invention Award of The Year' dan 'British Invention of The Year' untuk produk perisa tambahan makanan daripada rebung.

Kejayaan ini amat bermakna kerana ia dicapai dalam penyertaan sulung USIM. Kejayaan yang diperolehi bukan sahaja kejayaan USIM tetapi juga untuk negara, dalam menonjolkan kebolehan serta bakat anak tempatan dalam inovasi berasaskan sains dan teknologi. Anugerah ini juga menunjukkan bahawa hasil bumi Malaysia boleh diketengahkan sebagai produk bermutu tinggi.

USIM diwakili oleh tiga (3) pelajar tahun empat dari Fakulti Sains dan Teknologi ke pameran tersebut yang berlangsung di Barbican Exhibition Centre dari 23 hingga 26 Oktober 2013. Produk yang memenangi anugerah tersebut diberi nama 'Bambusia Powder' dihasilkan selepas kajian selama enam (6) bulan.

Sebelum ini produk tersebut disediakan sebagai pasta tetapi ditransformasikan mengikut standard antarabangsa sebagai serbuk perisa tambahan dalam makanan dan boleh digunakan untuk roti, biskut dan pastri. Kandungan perisa tambahan ini adalah amat baik untuk kesihatan kerana mengandungi mineral, kalsium, magnesium dan fiber yang tinggi.



Raih anugerah emas Penciptaan Antarabangsa Tahun Ini di London

Inovasi serbuk rebung USIM hebat

Oleh **HAZARUDIN SHAHARI**
pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 29 Okt. - Berbekalkan serbuk rebung, sekumpulan esan pelajar sains agama yang kini menauti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), *Nilai dohok savi* mengaharumkan nama negara apabila berjaya meraih anugerah emas Penciptaan Antarabangsa Tahun 2013 di The British Invention Show (BIS) di London minggu lalu.

Para pelajar tahun empat jurusan Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi itu juga meraih anugerah khas emas berganda dalam kalangan 10 penerima emas pada pertandingan yang diadakan di Barbican Centre, London mulai Rabu hingga Sabtu lalu.

Lebih membanggakan, para pelajar berkenaan membuat pencapaian cemerlang itu pada penampilan kali pertama pertandingan yang disertai oleh lebih 100 peserta kebanyakannya dari Eropah.

Enam pelajar itu ialah Zulfiawaz



MUSTAFA Mohd. Hanefah (tengah) bergambar kenangan bersama (dari kiri) **Mohammad Saifullah, Mohamad Wali, Mohamad Sabri, Zulfiawaz Mohamad, Mohamad Syafiq, dan Mohd. Akmal** yang berjaya meraih anugerah emas di BIS di Seremban, semalam.

Mohamad (ketua), Mohamad Wafi Shamsudin, Mohamad Syafiq Saifudin, Mohd. Akmal Zakaria, Mohamad Saifullah Mohd. Yusof dan Mohamed Sabri Esa.

BIS dianggap prestij kerana

menjadi platform membangunkan peluang perniagaan baharu dengan membawa inovasi dan syarikat, pelabur dan pencipta, pereka dan pengeluar di samping perkhidmatan yang berkaitan.

Zulfiawaz berkata, pakuannya mengetengahkan produk dikenali sebagai Bambusia Powder yang merupakan bahan campuran dalam formulasi menghasilkan makanan. Beliau berkata, antara makanan

menggunakan Bambusia yang dihasilkan oleh pesakit itu ialah roti, pasta, biskut dan poncok.

Katanya, rebung dipilih kerana kaya dengan mineral seperti fosforus, kalsium dan zink serta fiber menselai Bambusia terdiri daripada 70 peratus emulsi dan 30 peratus fiber.

"Sesungguhnya dihasilkan sepenuhnya daripada rebung sekali gas menjadikannya bertaraf organik kerana tidak menggunakan bahan pengawet dan mampu bertahan sehingga dua tahun berbanding rebung yang lazimnya diperak ole masyarakat di negara ini."

"Bambusia senang digunakan dan boleh digunakan dalam banyak jenis penghasilan makanan," katanya dalam sidang akhbar di USIM sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan N Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.

Sementara itu, Mustafa berkata kejayaan kumpulan itu sebagai titik transformasi pelajar unive berkenaan dalam bidang sains teknologi terutamanya memskak datang daripada sains agama.

"Kejayaan ini membuktikan kemampuan berinovasi dengan para cipta lain di dunia," ujarnya.

PM congratulates USIM

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Najib Razak has congratulated Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) for winning two gold medals in the British Invention Show.

Retweeted by **hoxim976** 1h ago
NajibRazak Syabas Universiti Sains Islam Malaysia kerana memenangi 2 pingat emas dim penyertaan sulung di British Invention Show http://bit.ly/16ivzZT

Inovasi serbuk rebung diiktiraf dunia

Bambusia powder...
Inovasi serbuk rebung diiktiraf dunia...
Berkas...
Berkas...
Berkas...

USIM GONDOL 7 PINGAT DAN ANUGERAH UTAMA DI NOVEL RESEARCH AND INNOVATION COMPETITION (NRIC) 2013



USIM telah menghantar sepuluh (10) penyertaan dalam *Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2013* anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) yang bermula dari 20 sehingga 22 Ogos 2013. Dalam edisi penganjuran kali ini, USIM mempertaruhkan tujuh (7) projek dalam kategori *Social Transformation and Creative Arts* dan tiga (3) produk dalam kategori *Life Sciences*.

Sejumlah tujuh (7) projek telah berjaya menggondol pingat dengan lima (5) pingat gangsa melalui e-Gelandangan, *Module Laboratory Innovation Centre of Islamic Science Studies (ICISS)*, *Clothline Cover (CLC)*, e-Mentoring dan *Master Pie*; satu (1) pingat perak melalui *Bambusia Pasta*; dan satu (1) pingat emas melalui *Easy Jawi*. Produk *Easy Jawi* juga dinobatkan sebagai pemenang *Social Impact Policy Award* dan membawa pulang wang tunai RM3000.00 dan sijil penghargaan.

Selain itu, USIM turut menghantar penyertaan buat kali pertama dalam *Community Research and Innovation Competition (CoRIC)* yang diadakan sempena NRIC dengan produk 'Isee' iaitu kompas untuk kegunaan insan kelainan upaya penglihatan mendapat tempat ketiga manakala pelajar USIM saudari Riza Asma'a Saari terpilih sebagai *Best Presenter CoRIC*. Masing-masing membawa pulang wang tunai RM1000.00 dan RM900.00 beserta sijil penghargaan.

NRIC yang kali ini bertemakan *Bridging Firsts Class Research and Innovation Through Sustainability Environment* telah dianjurkan sejak 2007 dan telah menunjukkan peningkatan penyertaan pasukan daripada IPT dalam dan luar negara serta kualiti

projek penyelidikan yang dipertandingkan. Sejumlah 132 projek penyelidikan NRIC dan 13 projek CoRIC telah dipertandingkan pada tahun ini.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Profesor Dato' Omar Osman, Naib Canselor USM. Turut hadir meraikan para peserta USIM adalah Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM.



Pesta KONVO

Utusan Malaysia **Mingguan** USIM

kali ke-11, 2013

Kids CORNER

- Supa Dupa
- Penampilan Khas: Upin Ipin & Fenggo (1 Dis - pagi)



Acara Pentas & Persembahan

- Forum Bicara Ad Deen bersama IKIM.fm (28 Nov - malam)
- Pertunjukan Pelajar Badan Beruniform (30 Nov - pagi)
- Pertunjukan Murid PERMATA Insan™ (30 Nov - pagi)
Mental Arithmetic - Are you smarter than the 3rd grader?
- Pertunjukan Kebudayaan Antarabangsa (28 Nov - 1 Dis)
- Tutorial Hijabista bersama Yatt Hamzah (1 Dis - petang)
- Santai Selebriti (29 Nov - 1 Dis) turut menampilkan Ustaz Ghazali Ibrahim, Tanyalah Ustaz TV9 (1 Dis - pagi)



*Pengangkutan ujang alik dari Stadium Tertutup Nilai ke Kompleks Sukan Tuanku Najihah disediakan. Dari jam 9 pagi hingga jam 6 petang pada 30 November hingga 1 Disember 2013



28 November - 1 Disember 2013
Tapak Pesta Konvo USIM 10 pagi - 10 malam

Jualan & Pameran Khas

- Pelbagai Gerai Jualan
- Pameran Usahawan Siswa
- Karnival Siswa
- Hari Terbuka

- Pameran
- Pendidikan
- Perkhidmatan
- Inovasi



Santai Selebriti



- Kejohanan Futsal Terbuka (23-24 Nov - pagi hingga petang)
013-6915994 (FARA) 0133755484 (MADIA)
- **012-9309278 (KAUSAR)** f Futsal CFest USIM

Aktiviti Bersama Utusan Malaysia

- Pertandingan Mewarna (1 Dis - 9 pagi) **016-9510542**
- Pertandingan Memancing Terbuka (1 Dis - 8 pagi) **013-2667011**
- Mini Explorece (30 Nov - 3 petang) **013-3052811**
- Cabutan Bertuah (29 Nov - 1 Dis)
- Penebusan Hadiah (29 Nov - 1 Dis)
- Studio Penghias Wajah (30 Nov - 1 Dis)
- Demonstrasi Masakan Chef Selebriti (30 Nov - 1 Dis)
- Karikatur (30 Nov - 1 Dis)
- Bengkel Wartawan Muda (30 Nov - pagi)
- Harga Runtuh Produk Utusan (28 Nov - 1 Dis)



Hidiah-Hidiah Eksklusif Menanti Anda!